

4.6.2026
Siaran Media

YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital

MENGAPA KADAR AIR BAHARU DI PULAU PINANG DILAKSANAKAN MULAI 1.7.2026 (SELEPAS DITANGGUHKAN SELAMA SETAHUN)?

- **Kelestarian perkhidmatan bekalan air yang baik, pembiayaan Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030), peningkatan kos dan penjimatan penggunaan air domestik.**
- **Peningkatan maksimum bil air sebanyak RM2.55 sebulan bagi majoriti pengguna air domestik di Pulau Pinang (isi rumah) yang menggunakan 35m³ atau kurang sebulan.**
- **Peningkatan maksimum bil air sebanyak RM77.70 sebulan bagi pengguna air bukan domestik (pengguna perniagaan) yang menggunakan 500m³ atau kurang sebulan.**
- **Projek-projek utama: Loji Rawatan Air (LRA) Taman Mengkuang baharu berkapasiti 114 JLH (juta liter sehari), pengambilan tanah untuk LRA Sungai Perai baharu berkapasiti 136 JLH dan pembesaran lanjut LRA Sungai Dua berkapasiti 1,342 JLH.**

PULAU PINANG, Khamis, 4.6.2026: PBAPP akan melaksanakan kadar air baharu di Pulau Pinang mulai 1.7.2026, selepas penangguhan selama 12 bulan. Empat rasional utama bagi pelaksanaan kadar air baharu ini adalah seperti berikut:

1. Semakan kadar air bukanlah langkah sewenang-wenangnya untuk menjana keuntungan yang lebih tinggi. Kadar air baharu ditetapkan berdasarkan pelan perniagaan yang munasabah yang dikemukakan oleh operator air berlesen kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

SPAN mensyaratkan PBAPP memperincikan keperluan pembiayaan bagi memastikan perkhidmatan bekalan air yang baik dapat diteruskan demi menyokong kehidupan dan mata pencarian 1.8 juta penduduk Pulau Pinang.

PBAPP perlu melaksanakan kadar baharu bagi mengekalkan tahap perkhidmatan bekalan air sedia ada di Pulau Pinang sambil menangani pelbagai cabaran seperti peningkatan kos, pertambahan bilangan pengguna air, perubahan iklim, ketidaktentuan ekonomi global dan infrastruktur yang semakin berusia.

Pada 30.7.2025, Kerajaan Persekutuan telahewartakan kadar air baharu untuk Pulau Pinang (serta sembilan negeri lain dan Wilayah Persekutuan Labuan).

Walau bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengarahkan PBAPP menangguhkan pelaksanaan kadar baharu tersebut selama setahun sehingga 1.7.2026.

Selepas tempoh penangguhan kadar air selama 12 bulan ini, PBAPP akan melaksanakan kadar baharu pada 1.7.2026 selaras dengan peraturan Kerajaan Persekutuan dan arahan Kerajaan Negeri.

2. PBAPP perlu menjana dana yang mencukupi untuk menyiapkan projek-projek bekalan air bagi memastikan kecukupan bekalan sehingga tahun 2030.

Purata penggunaan air di Pulau Pinang ialah 865 JLH pada tahun 2025. Jumlah ini diunjur meningkat sebanyak 34.3% kepada kira-kira 1,162 JLH menjelang tahun 2032.

3. Kos bekalan air PBAPP telah meningkat sebanyak 5% sejak semakan kadar terakhir pada 1 Februari 2024. Komponen utama peningkatan kos melibatkan bahan kimia, penyelenggaraan dan pentadbiran.
4. Kadar baharu ini akan menyokong usaha Pulau Pinang untuk mengurangkan penggunaan air domestik yang tinggi.

Pada tahun 2025, penggunaan air domestik (oleh isi rumah) menyumbang kira-kira 55.7% daripada jumlah purata penggunaan air sebanyak 865 JLH di Pulau Pinang. Pengguna domestik menggunakan lebih banyak air berbanding jumlah penggunaan oleh gabungan semua kilang, hotel, pusat beli-belah, premis perniagaan dan pejabat kerajaan.

Penggunaan air domestik per kapita di Pulau Pinang ialah 267 liter per kapita sehari (LCD) pada tahun 2025, iaitu yang tertinggi di Malaysia. Purata kebangsaan ialah 225 LCD pada tahun 2024, manakala Singapura mencatatkan 141 LCD pada 2024.

Memandangkan Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang berdepan tekanan sumber air, penggunaan air domestik perlu dikurangkan secara berperingkat ke tahap yang lebih munasabah bagi mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik untuk semua. Sasaran bagi tahun 2026 ialah 250 LCD.

Kadar Air DOMESTIK Pulau Pinang mulai 1.7.2026

- Kira-kira 82% pengguna air domestik di Pulau Pinang menggunakan 35m³ atau kurang sebulan.
- Mulai 1.7.2026, purata kadar air domestik Pulau Pinang bagi 35m³ pertama sebulan adalah RM0.93 bagi setiap m³.

- **Peningkatan maksimum bil air bagi 82% pengguna air domestik di Pulau Pinang (isi rumah) yang menggunakan 35m³ atau kurang ialah RM2.55 sebulan atau 8.5 sen sehari.**
- Pengguna domestik yang menggunakan 35m³ sebulan akan membayar RM32.50 sebulan mulai 1.7.2026 berbanding RM29.95 sebulan sebelum ini. Perbezaannya adalah lebih rendah bagi mereka yang menggunakan kurang daripada 35m³ sebulan.

Kadar Air BUKAN DOMESTIK Pulau Pinang mulai 1.7.2026

- Mulai 1.7.2026, purata kadar air bukan domestik Pulau Pinang bagi 500m³ pertama sebulan ialah RM2.28 bagi setiap m³.
- **Peningkatan maksimum bil air bagi 27% pengguna air bukan domestik (kilang, hotel, pusat beli-belah, premis perniagaan dan pejabat kerajaan) yang menggunakan 500m³ atau kurang ialah RM77.70 sebulan atau RM2.59 sehari.**
- Pengguna bukan domestik yang menggunakan 500m³ sebulan akan membayar RM1,141.70 sebulan mulai 1.7.2026 berbanding RM1,064.00 sebulan sebelum ini. Perbezaannya adalah lebih rendah bagi mereka yang menggunakan kurang daripada 500m³ sebulan.

(Untuk butiran lanjut mengenai kadar air baharu Pulau Pinang yang berkuat kuasa mulai 1.7.2026, sila rujuk **Lampiran A.**)

Pelarasan kadar air ini adalah munasabah. Semakan kadar air Pulau Pinang yang berkuat kuasa pada 1.7.2026 diperlukan bagi membolehkan PBAPP mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik dan berterusan, membiayai sebahagian projek-projek bekalan air yang kritikal untuk masa hadapan serta mengurangkan penggunaan air domestik.

Walau bagaimanapun, pengguna air di Pulau Pinang akan terus menikmati kadar air yang antara terendah di Semenanjung Malaysia. Bagi 82% isi rumah di Pulau Pinang yang menggunakan 35m³ atau kurang sebulan, bil air akan terus berada pada tahap yang berpatutan berbanding perbelanjaan utiliti dan keperluan harian lain seperti elektrik, telekomunikasi, internet dan bahan api.

Perbandingan Kadar Air dengan negeri-negeri lain

Perlu ditegaskan bahawa walaupun kadar air baharu akan berkuat kuasa mulai 1.7.2026, purata kadar air domestik Pulau Pinang bagi penggunaan 35m³ pertama sebulan masih kekal antara yang terendah di Malaysia. Purata kadar air domestik di Pulau Pinang ialah RM0.93 bagi setiap m³ untuk 35m³ pertama sebulan, berbanding purata kebangsaan sebanyak RM1.12 bagi setiap m³.

Bagi kadar air bukan domestik yang baharu pula, purata peningkatan kadar bagi 500m³ pertama sebulan hanyalah RM0.15 bagi setiap m³. Untuk bil bulanan, impak maksimum semakan kadar air 2026 terhadap pengguna bukan domestik di Pulau Pinang yang menggunakan sehingga 500m³ air sebulan ialah RM77.70 sebulan.

Malah selepas 1 Julai 2026, purata kadar air bukan domestik di Pulau Pinang masih kekal kompetitif dan setanding, serta lebih rendah berbanding kadar purata yang dikenakan di kebanyakan negeri lain di Malaysia.

(Untuk butiran lanjut mengenai perbandingan purata kadar air DOMESTIK dan BUKAN DOMESTIK Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain, sila rujuk **Lampiran B.**)

Projek-Projek Utama

1. **Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Taman Mengkuang berkapasiti 114 juta liter sehari (JLH) serta kerja-kerja paip berkaitan:** LRA ini di Seberang Perai Tengah (SPT) merupakan komponen ketiga Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) dan dijadualkan siap menjelang akhir tahun 2026.

Apabila beroperasi kelak, ia akan mengubah status Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) berkapasiti 86,400 juta liter daripada sebuah “empangan simpanan strategik ketika kemarau” kepada “empangan dwifungsi”.

LRA Taman Mengkuang akan menggunakan air dari empangan tersebut setiap hari untuk menghasilkan lebih banyak air terawat di SPT bagi memenuhi keperluan bekalan di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, PBAPP akan menguruskan simpanan air EMD dengan teliti bagi memastikan bekalan air yang mencukupi sentiasa tersedia untuk kegunaan kecemasan di LRA Sungai Dua sekiranya berlaku isu berkaitan Sungai Muda.

2. **Pengambilan tanah bagi LRA Sungai Perai berkapasiti 136 JLH:** LRA ini merupakan sebahagian daripada Skim Bekalan Air Sungai Perai, iaitu satu lagi komponen di bawah WCP 2030. Projek ini dijadualkan siap pada tahun 2031.
3. **Pengambilan tanah bagi projek pembesaran LRA Sungai Dua berkapasiti 1,342 JLH di Seberang Perai Utara (SPU):** Projek ini merangkumi pembinaan kolamimbangan kedua di hujung Terusan Sungai Dua, naik taraf modul kitar semula sisa rawatan air, pembinaan tangki air terawat tambahan serta menara air bertingkat bagi meningkatkan kapasiti simpanan air terawat.
4. **Pengambilan tanah dan kerja-kerja pemasangan paip bagi saluran paip khusus air terawat Macallum–Bukit Dumbar berdiameter 1,800mm:** Saluran paip tambahan sepanjang 3.2 kilometer ini akan menyalurkan lebih banyak air terawat dari lokasi pendaratan Paip Berkembar Dasar Laut Pulau Pinang Ketiga (PTSP Ke-3) ke Kompleks Kolam air dan Stesen Pam Bukit Dumbar di Pulau Pinang. Ini merupakan satu lagi projek WCP 2030 yang bertujuan mengepam lebih

banyak air dari tanah besar ke pulau.

5. **Pengambilan tanah bagi LRA Sungai Muda berkapasiti 114 JLH di SPU:** LRA Sungai Muda merupakan projek WCP 2030. Objektifnya adalah untuk merawat lebih banyak air di SPU bagi pengagihan di SPU. LRA Sungai Muda dijadualkan siap pada tahun 2031.

Kadar air baharu ini dijangka menjana kira-kira RM20 juta hasil tambahan kepada PBAPP dan PBA Holdings Bhd (PBAHB) dalam tempoh enam bulan pada tahun 2026. Sebarang keuntungan tambahan yang diperoleh sebahagian besarnya akan dilaburkan semula sebagai perbelanjaan modal untuk projek-projek bekalan air di Pulau Pinang demi manfaat rakyat dan negeri Pulau Pinang.


Terima kasih.

Lampiran A: Kadar air Pulau Pinang mulai 1.7.2026

Penggunaan setiap bulan	Kadar semasa (RM/m ³)	Bermula 1 Julai 2026 (RM/m ³)
1. DOMESTIK (meter individu)		
0 – 20 m ³	0.62	0.65
20 – 35m ³	1.17	1.30
Melebihi 35m ³	2.07	2.21
Caj Minimum	6.20	6.50
2. BUKAN DOMESTIK (meter individu)		
0 - 35m ³	1.57	1.93
Melebihi 35m ³	2.17	2.31
Caj Minimum	15.70	19.30
3. DOMESTIK (meter pukal)		
Kadar rata setiap m ³	1.73	1.92
Caj Minimum	17.30	19.20
4. RUMAH IBADAT DAN INSTITUSI KEBAJIKAN		
Kadar rata setiap m ³	0.67	0.67
Caj Minimum	6.70	6.70
5. PERKAPALAN		
Kadar rata setiap m ³	7.07	8.01
Caj Minimum	70.70	80.10
6. PUSAT DATA		
Kadar rata setiap m ³	Tiada kadar khusus	5.31
Caj Minimum		53.10

Lampiran B: Perbandingan Purata Kadar Air Domestik dan Bukan Domestik Pulau Pinang dengan Negeri-Negeri Lain

Purata Kadar Air DOMESTIK (RM) bagi 35m³ Pertama Sebulan





PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Purata Kadar Air BUKAN DOMESTIK (RM) bagi 500m³ Pertama Sebulan

